

Artikel

Pemuliharaan Masjid Lama Pengkalan Kakap, Merbok, Kedah Darul Aman
(*Conservation of the Masjid Lama Pengkalan Kakap, Merbok, Kedah Darul Aman*)

Siti Syafira Aida Md Sukri & Muammar Ghaddafi Hanafiah*

Pusat Kajian Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: muammar@ukm.edu.my

Diserah: 02 Mei 2025

Diterima: 02 Ogos 2025

Abstrak: Makalah ini membincangkan usaha pemuliharaan Masjid Lama Pengkalan Kakap, Merbok, Kuala Muda, Kedah Darul Aman. Masjid bersejarah ini berkeluasan kecil dan sesuai menampung 40 orang jemaah. Ia didirikan oleh para pedagang Islam sekitar tahun 1800 Masihi atau mungkin lebih awal. Masjid ini merupakan warisan budaya ketara yang menyimpan nilai peradaban silam yang penting untuk dikenang. Namun, masjid ini pernah tertimbus akibat runtuh tanah sehingga menyebabkan kerosakan pada strukturnya dan tidak dapat digunakan. Setelah ditemukan, pihak Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa inisiatif pemuliharaan dari semasa ke semasa. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis pendekatan yang digunakan dalam usaha pemuliharaan masjid bersejarah ini. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berkonsep etnografi. Kajian lapangan dijalankan di lokasi masjid melalui kaedah pemerhatian dan temu bual bersama beberapa informan terpilih bagi memperoleh data primer yang sesuai dan mencukupi. Selain itu, kajian perpustakaan turut dilakukan bagi mendapatkan data sokongan. Data dianalisis secara kandungan menggunakan pendekatan pemuliharaan yang digariskan dalam Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan, Jabatan Warisan Negara (Julai 2012). Hasil kajian mendapati tiga pendekatan utama digunakan dalam pemuliharaan masjid ini iaitu penyenggaraan (*maintenance*), pengekalan (*preservation*) dan pemulihan (*rehabilitation*). Pengekalan merujuk kepada usaha memastikan struktur, reka bentuk dan nilai sejarah masjid dikekalkan. Penyenggaraan pula melibatkan aspek pengurusan berterusan termasuk pentadbiran dan teknikal oleh pihak berkaitan. Sementara itu, pemulihan struktur bangunan lama melibatkan proses penilaian, perancangan dan pelaksanaan langkah-langkah memperbaiki atau memulihkan binaan masjid yang rosak akibat faktor usia. Kesimpulannya, hasil kajian ini dapat menambahkan minat para pengkaji untuk meneruskan penyelidikan mengkaji mengenai sejarah dan binaan masjid ini dengan lebih mendalam.

Kata kunci: Jabatan Warisan Negara; Masjid Lama Pengkalan Kakap; Merbok, Kedah; pemuliharaan; warisan kebudayaan ketara

Abstract: This paper discusses the conservation efforts for the Old Pengkalan Kakap Mosque in Merbok, Kuala Muda, Kedah Darul Aman. This historic mosque is small and can accommodate 40 worshippers. It was founded by Muslim merchants around 1800 adv or possibly earlier. This mosque is a tangible cultural heritage that preserves the values of ancient civilisation, which are important to remember. However, this mosque was once buried by a landslide, causing damage to its structure and making it unusable. After being found, the state government has implemented several conservation initiatives from time to time. Therefore, the objective of this study is to analyse the approaches used in the conservation efforts of this historic mosque. This study uses a qualitative design with an ethnographic concept. Field research was conducted at the mosque location

using observation and interviews with selected informants to obtain relevant and sufficient primary data. Additionally, a literature review was also conducted to obtain supporting data. The data was analysed content-wise using the conservation approach outlined in the Guidelines for the Conservation of Heritage Buildings, National Heritage Department (July 2012). The study found that three main approaches were used in the conservation of this mosque: maintenance, preservation, and rehabilitation. Preservation refers to efforts to ensure the structure, design, and historical value of the mosque are maintained. Maintenance, on the other hand, involves continuous management aspects including administrative and technical aspects by the relevant parties. Meanwhile, the restoration of old building structures involves a process of assessment, planning, and implementing steps to repair or restore the mosque's construction damaged by age. In conclusion, the results of this study can increase the interest of researchers to continue investigating the history and construction of this mosque in more depth.

Keywords: National Heritage Department; Masjid Lama Pengkalan Kakap; Merbok, Kedah; conservation; significant cultural heritage

Pengenalan

Manusia adalah makhluk ciptaan Allah yang lemah dan terbatas. Merendahkan diri kepada Allah menunjukkan bahawa manusia hanya boleh bergantung kepada Allah dalam setiap perkara. Masjid menjadi syiar Islam yang berperanan sebagai medium bagi manusia untuk menunjukkan kepercayaan, kepatuhan dan ketundukan kepada Allah Yang Maha Esa. Masjid juga memainkan peranan penting dalam masyarakat Islam sebagai pusat ibadah, pendidikan, dan aktiviti sosial (Ahmad Azam Sulaiman, 2025). Dalam sesebuah masyarakat berperadaban, tempat peribadatan mereka dijadikan ciri yang melambangkan wujud hubungan manusia dengan Tuhan secara formal dan serius. Hal ini dapat dilihat pada penjelasan Plutarch, sejarawan Yunani silam: *“Dalam sejarah, terdapat bandar-bandar tanpa benteng, bandar-bandar tanpa istana, dan bandar-bandar tanpa sekolah, tetapi tidak pernah ada bandar tanpa kuil”* (al-Qaradawi, 2009:22). Manusia yang berhubungan dengan Tuhan ditafsirkan sebagai kelompok manusia berkarektor khusus yang memiliki hubungan suci dengan sembahannya. Manusia sebegini memiliki suatu peradaban yang paling kudus serta menduduki hierarki tertinggi ke atas segala hubungan dan nilai yang ada dalam masyarakat dan negara bangsa. Demikianlah difahami daripada wujudnya masjid dalam masyarakat Melayu Islam.

Masjid berperanan menjadi tempat membentuk masyarakat. Hal ini kerana pembinaan masjid merupakan aktiviti pertama dilakukan Rasulullah SAW setelah memasuki kota Madinah tatkala berhijrah. Selepas itu barulah dipersaudarakan antara Muhajirin dan Ansar dan seterusnya barulah dibentuk Piagam Madinah sebagai pemertaaian pembentukan Negara Kota Madinah al-Munawwarah yang berdaulat (al-Buti 1991). Sejak dari detik itu masjid menjadi pusat Islam yang bukan sahaja sekadar menjadi tempat untuk beribadah malahan menjadi tempat penyebaran ilmu dan agama. Bahkan masjid berfungsi sebagai pusat merancang hal-hal pembangunan masyarakat dan negara.

Sesebuah masjid yang didirikan mempunyai elemen-elemen penting yang mempunyai fungsi yang tersendiri. Masjid yang dibina mempunyai ragam hias, struktur binaan dan bentuk atap yang berbeza. Namun elemen yang perlu ada dalam sesebuah masjid ialah mihrab, mimbar dan menara. Menurut Hany Hossam Eldien (2022), mihrab ialah titik tumpuan di bahagian dalam masjid. Mihrab terletak di dinding kiblat yang menghadap Mekah iaitu kota suci umat Islam. Mimbar pula menjadi tempat menyampaikan khutbah pada hari Jumaat. Saiz mimbar itu juga bergantung kepada keluasan sesebuah masjid (Noor Hafiza Ismail, 2019).

Masjid-masjid di Asia termasuk Tanah Melayu pada awalnya turut dipengaruhi oleh seni bina luar. Motif masjid pada waktu itu biasanya bercorak ukiran haiwan, flora dan fauna yang dibawa oleh pengaruh Hindu-Budha. Namun setelah pengaruh Islam berkembang lebih jauh, banyak daripada motif ukiran khasnya yang merupakan imej bagi makhluk bernyawa ditukar kepada bentuk geometri, bunga, tunas, dan tumbuhan dedaunan (Pradisa et.al 2017; Muhammad Salehuddin Zakaria, Hairulnisak Merman, Muhammad Fikri Saidi Othman 2022).

Masjid Pengkalan Kakap, Merbok, Kedah ini telah dibina sekitar tahun 1800. Masjid Pengkalan Kakap ini telah menjadi masjid yang tertua di daerah Merbok. Sultan Kedah ke-25 iaitu Sultan Abdul Hamid Halim Shah pernah berangkat ke masjid ini atas tujuan beribadat dan beristirahat pada setiap lawatan baginda ke daerah Kuala Muda (Mokhtar Saidin, 2019). Masjid Pengkalan Kakap ini merupakan masjid tradisional.

Menurut Siti Hajar (2021), masjid tradisional dibina dengan skala yang kecil kerana mampu memuatkan kira-kira 40 orang jemaah sahaja dalam satu-satu masa. Hal ini khususnya untuk solat Jumaat yang memerlukan 40 orang jemaah lelaki bertaraf permastautin. Masjid dibina pada skala yang kecil dan kemudiannya diperbesarkan mengikut keperluan komuniti muslim di kawasan tersebut. Peredaran zaman menyebabkan ada masjid yang telah direnovasi semula bergantung kepada keperluan semasa seperti pertambahan ruang.



Rajah 1. Masjid Pengkalan Kakap

Oleh itu, kajian terhadap pemuliharaan Masjid Pengkalan Kakap ini bertujuan untuk menganalisis pendekatan yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri Kedah dalam usaha pemuliharaan binaannya dengan menjelaskan bentuk dan jenis pemuliharaan yang dilakukan. Sebagai sebuah negeri tertua, bangunan warisan seperti Masjid Pengkalan Kakap ini harus menjadi salah satu mercu tanda yang diberi tumpuan. Hal ini adalah kerana ia memiliki daya tarikan pelancongan di mana dengan adanya usahanya perlindungan warisan bersejarah ini, minat masyarakat dapat ditarik dan dapat pula menambahkan pengetahuan serta mewujudkan rasa penghargaan terhadap demografi sejarah sesebuah elemen warisan tersebut (Siti Nurain Marzuki, 2021).

Sorotan Literatur

Kajian-kajian lepas yang berhubungan bangunan atau masjid lama dalam konteks kajian ini dapat dipecahkan kepada beberapa jenis seperti kajian berkaitan reka bentuk masjid dan juga kajian berkaitan pemuliharaan. Kajian-kajian yang tidak berhubungan secara langsung tetapi masih berada dalam konteks pemuliharaan masjid di Malaysia masih banyak. Adapun kajian penyelidikan ilmiah khusus mengenai Masjid Pengkalan Kakap hanya pernah dikemukakan oleh Nur Azmina Aiman Ahmad (2022). Kajian Azmina ini membincangkan aspek penglibatan komuniti dalam pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pengkalan Kakap.

Adapun kajian mengenai rekabentuk masjid lama, Nurul Wahida Safiyudi (2023) melakukan kajian mengenai keistimewaan tipologi rekabentuk senibina Pondok Surau Tok Janggut (Tuan Guru Haji Ahmad) dan Menara Azan di Langgar, Kedah. Terdapat persamaan dalam elemen seni bina dan perhubungan ruang antara Madrasah Tok Janggut dan rumah Melayu iaitu rumah ibu atau rumah utama sebagai ruang solat utama, dapur sebagai ruang solat dan serambi sebagai beranda lelaki atau ruang solat tambahan. Kayu digunakan untuk struktur utama seperti tiang, alang, rasuk, lantai dan dinding. Madrasah Tok Janggut menggunakan asas tunggal dalam pembinaan. Setiap tiang kayu dibina pada tunggu individu secara susunan biasa untuk menyokong keseluruhan struktur.

Daeng Haliza Daeng Jamal dan Zuliskandar Ramli (2021) pula mengemukakan kajian pemuliharaan beberapa bangunan bersejarah di Kelantan dengan melakukan tinjauan ke atas penglibatan komuniti setempat dalam suai guna semula. Komuniti setempat adalah kelompok yang berpeluang merasai dan menyaksikan perubahan yang berlaku ke atas produk-produk warisan di kawasan mereka. Warisan budaya termasuk juga warisan budaya ketara seperti bangunan bersejarah wajar dipulihara kerana terdapat nilai dan kepentingan sejarah, warisan dan berpotensi menjana ekonomi setempat. Kerja-kerja mengubahsuai fungsi balairung ini dilakukan secara gotong royong oleh komuniti setempat untuk diubah kepada masjid. Ubah suai ini juga mendapat bimbingan dan kerjasama dari Jabatan Warisan Negara yang turut membantu penduduk kampung daripada segi teknikal, pemantauan dan pendanaan.

Nur Sahira Zainuddin (2021) juga melakukan kajian kes terhadap pemuliharaan bangunan Masjid Lama Kampung Tuan yang telah berlaku penambahbaikan pada struktur binaannya. Masjid Lama Kampung Tuan, Kemaman merupakan antara masjid yang tertua di negeri Terengganu yang didirikan pada awal kurun ke-19 Masihi. Masjid ini dahulunya berfungsi sebagai masjid telah dijadikan masjid warisan kerana pernah dijalankan kerja-kerja konservasi oleh pihak Jabatan Warisan Negara (JWN) pada tahun 2006. Struktur yang dapat dilihat mengalami perubahan dari tahun 2006 iaitu semenjak masjid ini diwartakan sebagai bangunan warisan ialah *awning* dan *extension*.

Siti Nur Shazlina (2021) menulis tentang jejak warisan Masjid Lama Kampung Tuan. Struktur pembinaan Masjid Lama Kampung Tuan ini terdiri daripada sebuah bangunan tunggal dengan satu ruangan tertutup dalam empat dinding panel menegak. Sistem tersebut merupakan sesuatu yang unik kerana merupakan struktur pembinaan tradisional Melayu. Struktur permukaan kayunya dibuat dengan menggunakan baci kerana ia dilihat tidak rata. Binaan masjid juga dihasilkan sebelum kewujudan alat-alat pertukangan seperti "ketam" kayu.

Meljev Singh Sidhu (2021) menfokuskan pada kayu sebagai bahan binaan di Lembah Bujang dan membandingkannya dengan Tapak-Tapak Yarang, Takuapa dan Batujaya. Tinggalan kayu belum pernah dijumpai di dalam mana-mana gali cari di Lembah Bujang. Disebabkan keadaan kayu yang organik dan mudah reput, kepenggunaan tidak boleh dikesan selepas tempoh yang lama. Tinggalan struktur kayu telah dijumpai di Sungai Mas dan sampel ini telah dipertarikhkan kepada kurun kedua Masihi (Zuliskandar 2012). Berkemungkinan bahawa tanah lumpur yang mengelilingi kayu ini tepu dengan air dan ini mungkin melindungi kayu tersebut daripada reput. Di dalam *al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* telah disebut tentang penggunaan kayu sebagai bahan binaan untuk sebuah istana dan juga balai penghadapan yang terletak di Kota Langkasuka

Md Asrul Nasid Masrom dan Zulhaida Abdul Kadir (2020) menulis cabaran dalam pemuliharaan bangunan Istana Lama Seri Menanti di Negeri Sembilan telah dijadikan rujukan oleh pengkaji. Beberapa masalah telah dikenal pasti sebagai faktor projek pemuliharaan bangunan warisan kurang mendapat perhatian ramai ekoran kekurangan pakar, kesukaran mendapatkan bahan ganti dan kekurangan sumber rujukan. Kajian ini telah mengenalpasti masalah yang berlaku ketika projek pemuliharaan bangunan Istana Lama Seri Menanti. Antara masalah pemuliharaan bangunan bersejarah Istana Lama Sri Menanti ialah masalah dokumentasi kerana dokumen berkaitan dengan bangunan bersejarah tidak sesuai dan tidak lengkap. Kekurangan dokumen asal menyukarkan lagi proses baik pulih bangunan bersejarah ekoran kekurangan rujukan dan menyebabkan para kontraktor atau klien sukar untuk men

Menyentuh kajian tentang Masjid Pengkalan Kakap, Merbok Kedah sendiri secara spesifik, Nur Azmina Aiman (2019) menulis tentang penglibatan komuniti dalam pemuliharaan dan pemeliharaan masjid warisan ini. Namun kajian beliau dijalankan terhadap masjid ini adalah untuk menilai tahap penglibatan komuniti dalam pemuliharaan dan pemeliharaan masjid ini dengan menggunakan Model Arnsteins A Ladder of Citizen Participation (1969). Proses pemeliharaan dan pemuliharaan haruslah dikaitkan dengan komuniti yang tinggal berhampiran dengan bangunan tersebut. Dengan kerjasama komuniti setempat sangatlah penting untuk mengekalkan nilai warisan ini untuk tatapan generasi akan datang.

Berdasarkan sorotan kajian lepas, dapat dikenal pasti hanya satu kajian yang spesifik dibuat mengenai Masjid Pengkalan Kakap, Merbok, Kedah. Kajian tersebut menggunakan teori Arnstein's untuk menganalisis lapan tahap penglibatan komuniti yang terdiri daripada Jabatan Warisan Negara (JWN), Kariah Masjid (KM)

dan Pensyarah Konsevarsi (PK) dalam usaha pemuliharaan dan pemeliharaan masjid ini. Meskipun antara objektif kajian ini dilakukan adalah untuk menghurai usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan yang dilakukan namun penjelasannya sekadar menegaskan wujudnya kekerapan usaha-usaha konservasi dan baik pulih oleh beberapa pihak dari masa ke masa tanpa diberikan perincian lanjut. Di sini, perlu satu kajian baharu dilakukan dengan mengetengahkan analisis pendekatan pemuliharaan yang diambil oleh pihak berkepentingan khasnya pihak Kerajaan Negeri Kedah Darulaman. Kajian baharu ini menjelaskan bentuk atau langkah usaha pemeliharaan dan pemuliharaan yang belum di lunas secara ilmiah.

Teori Kajian

Feilden (2003) pula berpendapat bahawa pemuliharaan ialah tindakan untuk mengelakkan kereputan. Ia perlu mengambil kira semua perilaku atau perbuatan yang boleh memanjangkan usia warisan budaya dan semula jadi bagi membolehkan sesuatu objek itu dipersembahkan kepada mereka yang mengguna dan melihat bangunan bersejarah itu agar berasa kagum terhadap nilai artistiknya. Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan Jabatan Warisan Negara (JWN) (2017) mendefinisikan pemuliharaan sebagai “Keaslian dalam Pemuliharaan Warisan”. Keaslian boleh dianggap sebagai satu aspek estetik manakala proses untuk mengembalikannya adalah perkara etika. Dalam konteks pemuliharaan bangunan warisan, aspek yang paling penting adalah kepatuhan kepada kepentingan nilai-nilai warisan. Nilai-nilai ini merangkumi sejarah, budaya, seni bina, dan fungsi asal bangunan tersebut. Pemuliharaan yang berkesan memerlukan penyelidikan mendalam tentang sejarah bangunan serta teknik dan bahan yang digunakan semasa pembinaannya. Hal ini penting agar sebarang kerja pembaikan atau penyelenggaraan tidak mengubah atau merosakkan elemen asal yang mempunyai nilai sejarah. Konsep pemuliharaan ini dapat dilihat berdasarkan tiga pendekatan iaitu penyelenggaraan, pengekalan dan pemulihan.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Penyelidikan kualitatif adalah kajian yang tidak bergantung kepada penomboran seperti matematik, statistik atau bukti-bukti empirikal untuk membuat rumusan (Fuad Mohamed Berawi, 2017). Maklumat diperoleh melalui bacaan jurnal, buku, artikel dan pencarian di laman web. Kajian kepustakaan ini juga dilakukan di beberapa buah perpustakaan seperti Perpustakaan Alor Setar di Kedah, Perpustakaan Tun Sri Lanang UKM dan Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (PATMA). Pemerhatian dilakukan oleh penulis untuk mendapatkan data yang tidak diperoleh hasil daripada temu bual.

Pengkaji telah melakukan kaedah pemerhatian dengan pergi ke kawasan kajian iaitu Masjid Pengkalan Kakap. Pemerhatian terhadap subjek dilakukan pada 13 September 2023. Semasa pemerhatian dilakukan, pengkaji mendapati bahawa keadaan masjid telah mengalami proses baik pulih. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual untuk memperoleh maklumat. Temu bual berfokus merupakan kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat lisan daripada perbualan secara bersemuka dengan informan. Analisis dokumen ialah pecahan kaedah pengumpulan data penyelidikan daripada analisis kandungan yang merupakan huraian objektif terhadap mesej komunikasi yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan. Dokumen yang digunakan dalam kajian ini ialah keratan akhbar, jurnal dan gambar.

Feilden (1994) berpendapat bahawa pendekatan pemuliharaan ini biasanya mengakibatkan kehilangan nilai bagi bangunan bersejarah. Pemuliharaan adalah proses yang melibatkan pemulihan bangunan bersejarah, sama ada kecil atau besar. Menurut Jabatan Warisan Negara (2017), usaha untuk memulihara dan memelihara bangunan warisan melibatkan beberapa pendekatan. Maksud pendekatan adalah tindakan-tindakan yang berbentuk proses kerja bagi memulihara bangunan. Pendekatan pemuliharaan ini merupakan tafsiran yang dirujuk di dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) Bahagian 1 Seksyen 2. Pendekatan tersebut terdiri daripada pemeliharaan (*preservation*), pembaikpulihan (*restoration*), pembinaan semula (*reconstruction*), pemulihan (*rehabilitation*) dan penyesuaian (*adaptation*). Oleh yang demikian, pendekatan pemuliharaan akan digunakan untuk membantu pengkaji melihat aktiviti pemuliharaan yang dilakukan terhadap Masjid Pengkalan Kakap.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Berikut dikemukakan Jadual 1 yang memaparkan secara ringkas dapatan kajian merangkumi langkah penyelenggaraan, pengekalan dan pemulihan.

Jadual 1. Hasil kajian

Struktur	Komponen	Aktiviti		
		Penyelenggaraan	Pengekalan	Pemulihan
Bahagian atas	Bumbung	Pemeriksaan kerosakan	Menggunakan atap yang asal	Menggantikan bahagian yang rosak
Bahagian dalam	Tiang	Memastikan kestabilan tiang dan membersihkan tiang dari debu atau kotoran	Mengembalikan semula warna asli tiang	Tiada aktiviti pemulihan dilakukan
	Lantai	Membersihkan sisa lumut pada lantai	Mengembalikan warna asal	Tiada aktiviti pemulihan dilakukan
	Dinding	Memeriksa retakan atau kerosakan	Mengembalikan semula warna asli dinding	Membaiki struktur dinding yang rosak dan retak.
	Tingkap	Pengaratan pada engsel dan penyela tingkap yang telah tertanggal	Menggunakan bahan kayu yang hampir serupa	Menggantikan struktur kayu yang rosak
	Pintu	Pemeriksaan penyela, engsel dan tombol	Menggunakan bahan kayu yang hampir serupa	Menggantikan struktur kayu yang rosak
	Siling	Pembersihan rutin debu dan kotoran	Menggunakan teknik sambungan kayu yang sama	Menggantikan panel yang rosak dan reput
	Mihrab	Pengecatan semula	Mengembalikan warna asal	Tiada aktiviti pemulihan dilakukan
	Mimbar	Pengecatan semula	Mengembalikan warna asal	Tiada aktiviti pemulihan dilakukan
	Dewan Sembahyang	Pembersihan ruang solat	Merawat bahan-bahan asli pada struktur binaan	Membaiki struktur dinding yang rosak
	Serambi	Pengecatan semula dinding serambi	Tiada aktiviti pengekalan dilaksanakan	Melepa permukaan baru pada dinding serambi dan tiang serambi
Bahagian luar	Tangga	Pembersihan anak tangga	Melestarikan bahan asli tangga	Membaiki atau mengganti anak tangga yang rosak

1. Penyelenggaraan

Menurut Laporan Jawatankuasa Penyelenggaraan Bangunan United Kingdom (HMSO) mendefinisikan penyelenggaraan bangunan sebagai "Kerja-kerja yang dijalankan bertujuan untuk memelihara, membarui atau memperbaiki setiap kelengkapan yang disediakan pada setiap bahagian bangunan seperti kemudahan dan persekitaran mengikut piawaian yang boleh diterima dan mengekalkan tahap kepenggunaannya serta nilai kemudahan yang terdapat pada bangunan tersebut" (Nik Sharifullah, 2000).

Penyelenggaraan Pencegahan

Haryati Shafii et al. (2021) menyatakan bahawa penyelenggaraan pencegahan merupakan penyelenggaraan infrastruktur atau peralatan yang dilaksanakan secara harian. Dalam erti kata lain, penyelenggaraan ini dilaksanakan mengikut program atau pelan perancangan yang ditetapkan berdasarkan polisi penyelenggaraan, tempoh hayat premis dan pemeriksaan berkala. Penyelenggaraan pencegahan adalah aktiviti penyelenggaraan asas yang dirancang dan direka untuk meningkatkan hayat sesuatu benda atau bangunan dan mengelakkan sebarang aktiviti penyelenggaraan yang tidak dirancang.



Rajah 2. Pengelupasan cat pada pintu

Pengecatan semula merupakan proses pencegahan yang penting dalam menjaga keindahan dan keutuhan struktur masjid. Proses ini melibatkan aplikasi lapisan cat baru pada permukaan dinding, tiang dan elemen lainnya untuk melindungi dari cuaca, kelembapan, dan serangan serangga. Cat berfungsi sebagai lapisan pelindung yang mencegah penyerapan air, mengurangi risiko retakan, pelapukan, dan pertumbuhan lumut. Pengecatan semula dilakukan pada permukaan pintu yang telah mengalami pengelupasan cat.

Penyelenggaraan Membaiki Kerosakan

Penyelenggaraan membaiki kerosakan merujuk kepada tindakan memperbaiki masalah atau kerosakan kecil yang timbul untuk memastikan struktur tetap berfungsi dengan baik dan mencegah kerosakan lebih lanjut. Menurut Nik Sharifullah (2000), kerja penggantian dijalankan selepas pemeriksaan yang dijalankan mendapati bahawa mana-mana komponen telah mengalami kerosakan yang tidak dapat diperbaiki ataupun tidak dapat memenuhi fungsi asalnya atau keselamatan pengguna atau tidak dijamin selepas diperbaiki. Pembaikan kerosakan ini dapat dilihat pada pembaikan tombol dan engsel pada pintu masjid.



Rajah 3. Tombol pintu yang telah tertanggal (kiri) dan pemegang pintu yang baharu (kanan)

2. Pengekalan

Pemeliharaan (*Preservation*) atau di dalam Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan JWN disebut "Pengekalan" didefinisikan sebagai kerja pembaikan untuk mengekalkan sesuatu dalam keadaan asal dan hendaklah dijalankan jika perlu dalam usaha untuk mencegah pereputan berlaku pada masa akan datang. Pengekalan Masjid Pengkalan Kakap dilakukan untuk memastikan masjid ini kekal dalam keadaan yang asal walaupun sudah bertapak beratus tahun lamanya.

Pengekalan Fabrik

Fabrik bangunan merujuk kepada bahan-bahan struktural, *cladding* (lapisan luar bahan yang meliputi lain), *insulation* (penebat), *finishing* (kemasan) dan lain-lain yang merangkumi dalaman sebuah bangunan dan memisahkan dalaman dari luar. Fabrik bangunan ini meliputi beberapa elemen seperti dinding, lantai, bumbung, tingkap, dan pintu (Designing Buildings, 2022). Proses pemuliharaan fabrik bangunan melibatkan

penilaian menyeluruh terhadap keadaan fizikal bangunan, mengenal pasti bahan dan teknik asal yang digunakan, dan menggunakan pendekatan yang sesuai untuk membaiki atau menggantikan elemen yang rosak tanpa mengubah karakter asal bangunan. Perubahan cuaca dan serangan serangga perosak menjadi faktor utama kepada kerosakan fabrik dan struktur Masjid Pengkalan Kakap. Kelembapan dan suhu boleh menyebabkan kerosakan serius kepada fabrik bangunan, terutamanya pada bahan-bahan asli seperti kayu.

Menurut Jabatan Warisan Negara, sebahagian kemas lepaan dinding campuran kayu dan pasir masjid ini telah rapuh dan daya ikatan antara lepaan pada dinding batu-bata bangunan amat lemah. Keretakan tersebut berpunca daripada kelemahan ikatan mortar campuran kapur dan pasir akibat daripada kandungan kelembapan yang tinggi di dalam dinding. Semasa pemuliharaan dilakukan, serpihan yang rosak dibuang dan lepaan dilakukan semula seperti keadaan yang asal. Pembaikpulihan dinding yang rosak dilakukan dengan berhati-hati. Hal ini bertujuan untuk mengekalkan struktur yang asal.



Rajah 4. Lepaan dinding yang pecah dan retak (kiri) dan keadaan dinding selepas dibaikpulih (kanan)

Pengekalan Bahan Asal

Keaslian bahan merupakan aspek yang paling utama. Bahan binaan dianggap nilai penting pada bangunan kerana ia telah membawa bersama nilai sejarah masa lepas (Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan, 2012). Pemuliharaan masjid ini dilakukan dengan memastikan pengekalan maksima bagi bahan binaan yang sedia ada. Bahan tambahan yang hendak digunakan mestilah mementingkan keharmonian dari segi warna, tekstur dan bentuk tetapi mestilah kurang kejelasan berbanding bahan yang asal namun mesti boleh dikenalpasti.

Hasil temu bual mendapati bahawa apabila bumbung seperti kerangka kayu mengalami kerosakan, adalah penting untuk meminimumkan penggunaan bahan semasa proses penggantian. Sebagai contoh, apabila mencari bahan untuk penggantian, keutamaan diberikan kepada bahan asal bagi mengekalkan keaslian struktur. Misalnya, jika hanya sebahagian kayu mengalami kerosakan, hanya bahagian yang terjejas yang diganti.

Pengekalan bahan asal ini dapat dilihat pada bumbung masjid. Kajian mendapati bahawa bumbung masjid telah mengalami kerosakan yang amat teruk. Terdapat jubin bumbung yang telah pecah dan tertanggal. Selepas analisa dijalankan ke atas Masjid Pengkalan Kakap, penyelenggaraan telah dilakukan oleh kontraktor yang terlibat. Keseluruhan bumbung ditanggalkan lalu kerja mencuci setiap jubin dilakukan. Kemudian jubin dipasang kembali seperti sediakala. Bagi jubin yang rosak telah diganti seperti keadaan asal (Jabatan Warisan, 2015). Proses cucian jubin dilakukan bertujuan untuk mengekalkan bahan yang sedia ada pada masjid. Penggantian dengan barang baharu akan meningkatkan kos dan juga menghilangkan nilai keaslian pada masjid.



Rajah 5. Jubin yang pecah, tertanggal dan berlumut (kiri) dan bumbung masjid setelah dicuci (kanan)

3. Pemulihan

Pemulihan masjid lama adalah proses yang penting untuk memastikan warisan sejarah dan budaya sesebuah komuniti tetap terpelihara. Masjid lama sering kali menjadi simbol kebanggaan masyarakat serta mengandungi nilai-nilai sejarah yang tidak ternilai harganya. Proses pemulihan masjid ini melibatkan penggantian beberapa bahagian struktur yang rosak seperti tiang-tiang kayu dan atap, tetapi dengan menggunakan bahan-bahan yang sama atau serupa dengan yang asli. Hal ini bertujuan untuk memastikan masjid tersebut tidak kehilangan identiti dan keunikannya.

Pembaikan Struktur

Sebelum pembaikan struktur dilakukan, penilaian struktur binaan yang melibatkan pemeriksaan, analisis, dan penilaian keadaan fizikal sesebuah bangunan akan dilakukan. Penilaian dilakukan untuk mengesan sebarang kerosakan seperti retakan, kelembapan, perubahan bentuk dan kesan serangan serangga ke atas bangunan. Kajian dilapidasi merupakan sebahagian daripada kaedah untuk memastikan struktur masjid-masjid lama yang mempunyai nilai sejarah dan warisan terpelihara. Menurut Jabatan Warisan Negara, kajian dilapidasi ini juga dapat memberi petunjuk atau panduan bagi cadangan pemuliharaan yang wajar ke atas bangunan tersebut. Kajian yang dijalankan ke atas Masjid Pengkalan kakap ini meliputi kajian ke atas keseluruhan bangunan masjid.

Hasil kajian mendapati bahawa bahagian panel di siling bumbung mengalami kerosakan yang teruk. Perabung yang berhampiran mihrab atau ruang solat utama telah reput disebabkan oleh anai-anai ini menimbulkan kekhawatiran di kalangan jemaah dan pengurus masjid. Kerosakan ini bukan sahaja mempengaruhi estetika bangunan, tetapi juga menandakan keadaan struktur bangunan yang mungkin tidak stabil. Langkah-langkah pemulihan dan rawatan telah dilakukan oleh Jabatan Warisan Negara.

Pemilihan bahan yang sesuai untuk menggantikan kerangka kayu yang rosak dilakukan terlebih dahulu. Kayu yang hendak digunakan mestilah berkualiti tinggi dan tahan terhadap serangan anai-anai serta cuaca. Walaupun kayu yang digunakan tidak sama dengan yang asli, tetapi pihak Jabatan Warisan Negara masih mengekalkan keaslian struktur iaitu kerangka dicantumkan dengan tanggam dan pasak daripada kayu. Proses penggantian kerangka kayu ini adalah penting bagi memastikan bangunan terus kekal kuat dan selamat. Dengan mengekalkan elemen-elemen asli dalam struktur seperti tanggam dan pasak kayu, keunikan dan keaslian bangunan warisan dapat dipertahankan. Teknik ini telah terbukti berkesan dalam menahan beban dan tekanan selama berabad-abad.



Rajah 6. Perabung yang reput (kiri) dan perabung yang telah dibaiki (kanan)

Kesimpulan

Pemuliharaan Masjid lama Pengkalan Kakap telah dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri Kedah adalah dengan mengimplimentasikan tiga pendekatan pemuliharaan iaitu penyelenggaraan, pengekalan dan pemulihan. Pendekatan penyelenggaraan yang dilakukan ke atas masjid ini adalah berbentuk penyelenggaraan pencegahan dan penyelenggaraan memeriksa kerosakan, membaiki dan membersihkan struktur dan komponen masjid. Pendekatan pengekalan yang diambil ialah dengan melakukan pengekalan fabrik dan pengekalan bahan asal dibuat masjid ini setelah didapati mengalami kerosakan oleh kerana faktor perubahan cuaca dan serangan serangga perosak. Pendekatan pemulihan yang dilaksanakan pula ialah dengan melaksanakan pemulihan struktur dan komponen masjid seperti memulihkan keadaan perabung yang mengalami rosak teruk akibat cuaca dan anai-anai. Perabung tersebut ditukar dengan kayu yang hampir serupa dengan yang asal serta dengan memastikan elemen-elemen asli lain dalam strukturnya dikekalkan seperti tanggam dan pasak kayu.

Dapatan kajian ini penting kepada korpus bidang seni bina Melayu dari perspektif pendekatan pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan warisan. Namun kajian lanjutan boleh dilakukan khususnya dalam meneliti aspek kesenian motif dan pola yang terdapat pada bangunan masjid di samping konsep dan falsafah struktur seni binanya secara lebih mendalam. Impak kajian ini adalah terkait dengan sejarah perkembangan masyarakat Melayu Islam di Malaysia dan juga di Nusantara amnya. Akhirnya ia boleh membantu pihak-pihak berkepentingan dalam memastikan pendekatan pemeliharaan dan pemuliharaan masjid warisan sentiasa mendapat perhatian dan perlu dipertingkatkan dari masa ke masa.

Penghargaan: Penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada Pusat Kajian Bahasa dan Kesusasteraan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan menerbitkan hasil kajian ini.

Kenyataan Persetujuan Termaklum: Kenyataan persetujuan termaklum telah diperolehi daripada semua subjek yang terlibat dalam kajian ini.

Konflik Kepentingan: Tiada konflik kepentingan.

Rujukan

- Afiszal Abu Shaari. (2024). Pemuliharaan Masjid Pengkalan Kakap, Merbok. [Temu bual. 28 Februari].
- Ahmad Azam Sulaiman & Ahmad Rafiq Kamaruddin. (2025). Ekspolorasi Pengurusan Dana Masjid Al-Muktafi Billah Shah, Terengganu (*e-Bangi-Journal of Social Sciences and Humanities*, 22(1). <http://doi.org/10.17576/ebangi.2025.2201.10>
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2009). *Wujud Allah*. Wahbah Publisher.
- Anon. (2022, Jun 28). *Designing buildings the construction Wiki*. https://www.designingbuildings.co.uk/wiki/Building_fabric

- Daeng Haliza Daeng Jamal & Zuliskandar Ramli. (2021). Pemuliharaan beberapa bangunan bersejarah di Kelantan: tinjauan ke atas penglibatan komuniti setempat dalam suai guna semula. *Malaysian Journal of Society and Space*, 17(2), 461-474.
- Eldien, H. H., Bongwirnsu, U. M & Hammad, E. (2022). Impact of Mihrab Geometry on The Acoustics of Mosque. *Conference: The 51st International Congress and Exposition on Noise Control Engineering -InterNoise 2022*. 1-14.
- Fuad Mohamed Berawi. (2017). *Metodologi Penyelidikan: Panduan Membuat Tesis*. UUM Press.
- Grady, J. S., Her, M., Moreno, G., Perez, C., & Yelinek, J. (2019). Emotions in storybooks: A Comparison Of Storybooks That Represent Ethnic and Racial Groups in The United States. *Psychology of Popular Media Culture*, 8(3), 207–217. <https://doi.org/10.1037/ppm0000185>
- Haryati Shafii, Siti Nur Isma Zura Zulika Md Jamil, Azlina Md Yassin, Haidaliza Masram & Roshartini Omar. (2021). Pengurusan Penyelenggaraan Kemudahan Infrastruktur di Kawasan Ekopelancongan Sungai Muar, Johor. *Research In Management of Technology and Business*, 2(1), 651–667. <https://doi.org/10.30880/rmtb.2021.02.01.050>
- Jabatan Warisan Negara. (2014). *Laporan kajian dilapidasi Masjid Lama Pengkalan Kakap, Merbok, Kedah Darul Aman*. Kementerian Pelancongan & Kebudayaan. <https://www.motac.gov.my/ar/ar14/files/basic-html/page313.html>
- Jabatan Warisan Negara. (2015). *Laporan akhir cadangan kerja-kerja pemuliharaan, Masjid Alam Pengkalan Kakap, Merbok, Kedah Darul Aman*. Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia. <https://www.motac.gov.my/ar/ar15/files/basic-html/page270.html>
- Jabatan Warisan Negara. (2017). *Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan*. Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia. <https://www.heritage.gov.my/my/muat-turun/9-garis-panduan.html>
- Jabatan Warisan Negara. (2017). *Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan*. Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia. [heritage.gov.my](https://www.heritage.gov.my)
- Nik Sharifullah Nik Kob (2000). *Sistem Pengurusan Penyelenggaraan Bangunan Institut Kemahiran Mara*. [Bachelor Degree Thesis, Universiti Teknologi Mara]. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/15459/>
- Md. Asrul Nasid Masrom & Zulhaida Abdul Kadir. (2020). Cabaran dalam pemuliharaan bangunan Istana Lama Seri Menanti di Negeri Sembilan. *Research in Management of Technology and Business*, 1(1), 647-662.
- Meljev Singh Sidhu. (2021). Kayu Sebagai Bahan Binaan di Lembah Bujang Dan Perbandingan Dengan Tapak-Tapak Yarang, Takuapa Dan Batujaya. *AKADEMIKA*, 91(2), 145-155.
- Mohd Ismail Mustari, Bushrah Basiron, Kamarul Azmi Jasm, Ajmain@Jimain Safar, & Azhar Muhammad. (2017). Membangun Potensi Masjid Sebagai Sebuah Institusi Pendidikan Islam & Masyarakat. *Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU)*, 3(2), 46-58.
- Muhammad Salehuddin Zakaria, Hairulnisak Merman, Muhammad Fikri Saidi Othman. (2022). Pengaruh Kepelbagaian Budaya Seni Reka Masjid di Negara Asia. *KUPAS SENI*, 10(2), 46-58.
- Nasha Rodziadi Khaw dan Nazarudin Zainun. (2019). *Lembah Sungai Merbok-Muda: Dari Era Kemerosotan Kedah Tua Hingga Pascakemerdekaan*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Noor Hafiza Ismail, Azni Hanim Hamzah & Mohd Fauzan Mat Sari. (2019). Keindahan Ukiran Kayu Pada Mimbar Masjid Terengganu Pada Tahun 2009 Hingga 2014. *Jurnal Inspirasi Seni Intelektual*, 81-95.
- Nur Azmina Aiman. (2022). *Penglibatan Komuniti Dalam Pemuliharaan & Pemeliharaan Masjid Warisan: Kajian di Masjid Pengkalan Kakap, Merbok, Kedah*. [Bachelor Degree Thesis, Universiti Malaysia Kelantan]. UMK Repository. <http://discol.umk.edu.my/id/eprint/3721/>
- Nur Sahira Zainuddin. (2021). *Kajian Kes Terhadap Pemuliharaan Bangunan Masjid Lama Kampung Tuan Yang Telah Melakukan Penambahbaikan Pada Struktur Binanannya*. [Bachelor Degree Thesis, Universiti Malaysia Kelantan]. UMK Repository. <http://discol.umk.edu.my/id/eprint/4008/>
- Nurul Wahida Safiyudin. (2023). *Kajian Keistimewaan Tipologi Rekabentuk Senibina Pondok Surau Tok Janggut (Tuan Guru Haji Ahmad) dan Menara Azan di Langgar, Kedah*. [Bachelor Degree Thesis, Universiti Malaysia Kelantan]. UMK Repository. <http://discol.umk.edu.my/id/eprint/12977/>

- Pradisa, A. P. S. (2017). Perpaduan Budaya Islam dan Hindu dalam Masjid Menara Kudus. *Kertas Prosiding Seminar Heritage IPLBI*, A213-A218. https://www.researchgate.net/publication/328258932_Perpaduan_Budaya_Islam_dan_Hindu_dalam_Masjid_Menara_Kudus
- Siti Hajar Aziz & Aizan Ali @ Mat Zin. (2021). Masjid: Sejarah Penulisan Seni Bina Islam di Malaysia. *Jurnal al-Muqaddimah*, 9(1), 53-71.
- Siti Nur Shazlina Mohd Noor Safar, Nur Fatihah Sidi Ahmad, Mohd Nazir Ahmad, Azman Mat Isa dan Ahmad Nazri Mansor. (2022). Jejak Warisan: Masjid Lama Kampung Tuan. *Jurnal Sejarah Lisan Malaysia*, 6(1), 46-72.
- Siti Nurain Marzuki, Agnes Amoi Anak Sudin, Dorathy Sebi Anak Nelson Atang, Aini Atiqah Nor Arsat, Nurul Liyana Zainal Abidin, Nurul Fadilah Mohd. Nawi & Er, A. C. (2021). Tarikan Pelancongan Berasaskan Warisan di Kuala Lumpur. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(2), 243-261. <https://journalarticle.ukm.my/16958/1/46780-151102-1-SM.pdf>
- Undang-Undang Malaysia. (2006, Jun 1) Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). <https://gtwhi.com.my/wp-content/uploads/2020/12/Akta-Warisan-Kebangsaan-2005.pdf>